

Program kesukarelawan tingkat kemahiran komunikasi

PENGLIBATAN penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) dalam program kesukarelawan dapat meningkatkan kemahiran komunikasi antara mereka dan masyarakat setempat di samping mampu memupuk nilai kehidupan berkomuniti.

Pengerusi Yayasan Sukarelawan Siswa Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Zuraidah Atan berkata, meskipun baharu ditubuhkan tahun lalu yaysan itu telah banyak melaksanakan karnival yang mempunyai objektif merapatkan hubungan antara penuntut dan masyarakat selain memberi pendidikan secara terus kepada umum mengenai kesihatan dan persekitaran.

"Menerusi Karnival Sukarelawan Siswa ini, kita mendedahkan para penuntut dengan pelbagai kemahiran antaranya konsep bermasyarakat kerana kemahiran tersebut yang akan mereka gunakan ketika masing-masing sudah memasuki alam pekerjaan.

"Karnival kali ini diadakan selama sehari dengan menyediakan pelbagai aktiviti kepada masyarakat setempat seperti pemeriksaan kesihatan percuma, pertandingan mewarna dan banyak lagi," katanya kepada media selepas perasmian karnival itu di Pasir Gudang, Johor baru-baru ini.

Majlis itu yang diadakan di Rumah Pangsa Permas Jaya, Johor dirasmikan Ketua Setiausaha Kementerian



Pengajian Tinggi, Datuk Ab. Rahim Md. Noor.

Sebanyak 800 penuntut daripada beberapa IPT menyertai karnival itu yang menjadi platform terbaik menanam semangat kemasyarakatan dalam kalangan penuntut terlibat.

Antara IPT yang terlibat termasuklah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) dan Kolej Komuniti Pasir Gudang.

Tambah Zuraidah, aktiviti tahunan itu juga berjaya mendedahkan golongan penuntut dengan aktiviti kesukarelawan di dalam dan luar negara.